

JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT No. 62,
75450 MELAKA

Pengarah : 06-2323782
Timbalan : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Peperiksaan : 06-2323780
Fax : 06-2320500

Rujukan Kami :JPM.SPS.UPP.100/6(05)
Tarikh :10 NOVEMBER 2009

SEMUA Pengetua / Guru Besar,
SMK/SMKA/SABK/SK/SJK(C)/SJK(T)
Negeri Melaka.

Tuan,

TINDAKAN SEWAKTU CUTI PERSEKOLAHAN AKHIR TAHUN 2009

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Cuti Persekolahan Akhir Tahun 2009 akan bermula pada 21 November 2009 sehingga 4 Januari 2010. Beberapa langkah dan tindakan perlu diambil sewaktu cuti yang panjang ini.

- i) **Keselamatan Data Dan Harta Benda Sekolah/Kerajaan**
Memastikan semua data dan harta benda sekolah/kerajaan diletakkan di tempat yang selamat terutamanya dari ditimpa bencana seperti banjir.
- ii) **Kebersihan Dalam Bilik Darjah/Bangunan Dan Kawasan Sekolah**
Memastikan kebersihan diberi keutamaan sepanjang masa.
- iii) **Keceriaan Kawasan Sekolah**
Rumput dan tumbuhan liar dipotong. Usaha untuk mencantikkan sekolah seperti mengecat dan membuat hiasan seperti lukisan mural pada dinding bangunan adalah digalakkan.
- iv) **Persediaan Menghadapi Bencana Banjir**
Sekolah-sekolah yang terletak di kawasan yang dikhuatiri akan dinaiki air banjir diminta membuat persediaan yang sewajarnya. Contohnya dinaikkan perabot/peralatan di tempat yang lebih tinggi, sistem saluran longkang yang baik dan sebagainya.
Sekolah-sekolah yang dijangka akan menjadi Pusat Perpindahan Mangsa Banjir pula diminta lebih bersedia dan membuat persiapan yang lebih teliti.

- v) **Baik Pulih Perabot Dan Peralatan**
Ambil kesempatan waktu cuti yang panjang ini untuk membaiki perabot, peralatan pejabat, kantin dan sebagainya supaya tidak mengganggu sesi persekolahan 2010 bermula nanti.
- vi) **Pembiakan Nyamuk Aedes**
Pastikan bekas yang boleh menampung air dibersihkan/diselia/diletakkan di tempat yang sempurna kerana dibimbangi menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.
- vii) **Keselamatan Murid**
Peringatan hendaklah diberi kepada murid-murid agar menjaga keselamatan dan kesihatan diri. Diingatkan juga, agar tidak bermain di tempat-tempat yang merbahaya seperti sungai, kolam dan sebagainya. Murid-murid diminta mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah seperti membaca, pergi ke perpustakaan, membantu ibu bapa dan lain-lain lagi.
- viii) **Pemantauan Berterusan**
Pihak sekolah diminta membuat pemantauan berterusan dalam semua aspek yang tersebut di atas. Jadual bertugas waktu cuti sekolah perlu disediakan bagi membantu dalam urusan ini.
- ix) **Aspek Komunikasi**
Semua guru dan staf sokongan diminta meninggalkan nombor telefon dan alamat bagi memudahkan untuk dihubungi semasa cuti.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menurut perintah,


(HAJI ISA BIN HAJI ABU)

Pengarah
Jabatan Pelajaran Melaka



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/ (24)
26 Oktober 2009

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS: BIL: 5/2009
BAYARAN-BAYARAN TAMBAHAN PERSEKOLAHAN

Kerajaan Malaysia melalui pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (2008) yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 September 2007, telah memansuhkan semua Yuran Khas di semua sekolah Kerajaan dan sekolah bantuañ Kerajaan berkuatkuasa pada 1 Januari 2008. Yuran Khas yang dimaksudkan ini ialah Yuran Khas yang dibayar oleh setiap ibu bapa sebanyak RM 4.50 bagi setiap murid sekolah rendah dan RM9.00 bagi setiap murid sekolah menengah kepada sekolah setiap tahun sebelum ini.

2. Namun demikian, sekolah sebagai institusi pendidikan perlu merencana dan melaksanakan beberapa aktiviti yang penting serta menyediakan beberapa perkhidmatan dan kemudahan tambahan kepada murid-murid. Pelaksanaan perkhidmatan dan kemudahan tambahan ini memerlukan peruntukan tambahan secara khusus. Justeru, ibu bapa juga mempunyai peranan untuk turut bersama melaksanakan tanggungjawab membantu sekolah melaksanakan program dan aktiviti tambahan bagi murid-murid dengan membayar bayaran tambahan lain sebagai tanda komitmen terhadap pendidikan anak-anak mereka.

3. Seperti yang diamalkan dalam pengurusan persekolahan pada tahun-tahun sebelum ini, bayaran tambahan ini perlu dijelaskan di awal tahun sesi persekolahan bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan murid-murid yang telah direncanakan oleh sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

4. Justeru, selain bayaran-bayaran yang dibenarkan sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan, Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A, Kementerian Pelajaran telah menyenaraikan perkara-perkara berikut

yang dianggap sebagai perkhidmatan dan kemudahan tambahan yang boleh dikenakan bayaran tambahan secara tahunan kepada ibu bapa di mana bayaran tambahan ini perlu dijelaskan oleh ibu bapa pada setiap sesi awal persekolahan (Jadual 1). Kecuali bayaran bagi MSSM dan Insuran Takaful, Bayaran Tambahan di Jadual 1 adalah kadar minimum memandangkan sekolah di seluruh negara mempunyai latar belakang yang berlainan. Oleh itu, pihak sekolah perlulah terlebih dahulu berbincang bagi mendapatkan persetujuan daripada PIBG sekolah di dalam penentuan bayaran tambahan tersebut. Semua bayaran tambahan yang ditetapkan oleh sekolah termasuk bayaran-bayaran yang dibenarkan seperti di Lampiran A hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Sekolah untuk kelulusan.

Jadual 1: Bayaran Tambahan Mengikut Sekolah (Untuk semua murid)

BIL.	JENIS BAYARAN	SEKOLAH	
		RENDAH	MENENGAH
1.	Kokurikulum	RM 3.00	RM 6.00
2.	Kertas Ujian Dalaman	RM 5.00	RM10.00
3.	Sukan Tahunan Sekolah	RM 5.00	RM 6.00
4.	Kegiatan Pendidikan Islam (murid beragama Islam) atau Pendidikan Moral (murid bukan beragama Islam)*	RM 5.00	RM 6.00
5.	MSSM	RM 2.00	RM 4.00
6.	Insuran Takaful	RM 1.50	RM 1.50
Jumlah		RM 24.50	RM 33.50

**Optional dan tertakluk kepada keperluan murid.*

Jadual 2: Bayaran Untuk Murid Yang Tinggal Di Asrama Sekolah

BIL.	JENIS BAYARAN	AMAUN
1.	Yuran Makan Asrama	RM 1.00 sehari
2.	Kebajikan Murid Asrama	RM10.00 setahun
3.	Wang Cagaran asrama (hanya dikutip sekali dan dipulangkan pada murid semasa tamat persekolahan)	RM 30.00 kali pertama mendaftar
4.	Dobi**	Ditetapkan oleh pihak yang memberi perkhidmatan

*** Hanya untuk sekolah yang menyediakan perkhidmatan dobi*


5. Senarai yang ditunjukkan dalam **Jadual 2** adalah dikhusus untuk murid-murid yang tinggal di asrama sekolah kecuali kumpulan murid yang diberikan pengecualian. Wang cagaran hanya **dikutip sekali** sepanjang tempoh murid tinggal di asrama dan hendaklah dipulangkan baki wang cagaran kepada murid setelah tamat tempoh persekolahan. Manakala bayaran untuk kebajikan adalah bagi menampung aktiviti kebajikan murid yang di asrama sekolah.

6. Sehubungan itu, perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan sebarang bayaran tambahan yang dikenakan adalah semata-mata berkisarkan kepada perkhidmatan (service) yang diberikan kepada murid-murid sekolah. Sekiranya pihak sekolah bercadangkan untuk membuat kutipan **bayaran-bayaran lain** selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 4, pihak sekolah perlulah terlebih dahulu **mendapatkan kebenaran dan kelulusan daripada Pendaftar Sekolah**. Dengan ini dimaklumkan bahawa Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2008 bertarikh 17 Disember 2008 adalah dibatalkan berkuatkuasa serta merta.

7. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar ... di ... bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD.DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran
2. Y.B. Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran
3. Y.B. Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran
4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran

LAMPIRAN A

BAYARAN/SUMBANGAN PERSEKOLAHAN

Berdasarkan peruntukan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan dan surat siaran dikeluarkan yang sedang berkuat kuasa adalah dimaklumkan bahawa bayaran/sumbangan persekolahan yang dibenarkan bagi murid-murid berkaitan adalah seperti berikut:-

- i. Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Semua Murid Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1995: Pelaksanaan Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Semua Pelajar Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan)
- ii. Yuran Makanan Asrama – kadar yuran makanan asrama yang dikenakan sebanyak RM1.00 seorang sehari masih dikekalkan kecuali kumpulan murid yang diberikan pengecualian. (Surat Pekeliling Kewangan Bil. 6 Tahun 2002 Pemberian Bantuan Makanan Pelajar). Jumlah yang perlu dibayar RM250.00 setahun dan dimasukkan ke dalam akaun Asrama.
- iii. Fi terhadap murid warganegara asing yang diterima masuk ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(2)(b) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998; dan Pekeliling Bahagian Kewangan Bil.4/2000 Peraturan Kutipan Fee Sekolah Yang Dikenakan Kepada Murid Asing bertarikh 3 Mei 2000.
- iv. Fi untuk peperiksaan (subjek tambahan) seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 7(1)(b) hingga 7(1)(g) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2007; Garis Panduan Pengoperasian Dasar Pemansuhan Yuran Peperiksaan Awam;
- v. Pembelian majalah sekolah seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 8(2)(d) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Majalah Sekolah dan Bahan Multi Media) 1998;
- vi. Bayaran tambahan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) – 3 jenis bayaran tambahan bagi subjek Azhari yang ditetapkan (Bayaran Amal Islami/Ihtifal (kegiatan kokurikulum), Yuran Peperiksaan Dalam Kurikulum Azhari, Bayaran Kurikulum Azhari) seperti Surat Perakuan Penyelarasan Bayaran Tambahan Bagi Kurikulum Azhari Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)-KP(JAPIM)5206/2/4/2 Jld.6 (2) bertarikh 10 Januari 2008.

- vii. **Fi dan bayaran lain seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 17 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997.**
- viii. **Sumbangan bagi Persatuan Ibu Bapa dan Guru seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 5(4) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa-Guru) 1998; Kadar sumbangan ditetapkan dalam Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru, dan dimasukkan dalam akuan PIBG**